

PERATURAN MRSM KEPALA BATAS 2021

1. PERATURAN PAKAIAN

1.1 PELAJAR LELAKI

a. Baju Kemeja / Baju T

- i. Baju kemeja berkolar potongan biasa sama ada berlengan panjang atau pendek dibenarkan. Lain-lain jenis baju seperti baju T berkolar, baju T sukan atau seumpamanya dibenarkan untuk aktiviti riadah sahaja. **Baju T tidak berkolar tidak dibenarkan.**
- ii. **Baju hendaklah disisipkan ke dalam seluar.**
- iii. Baju kemeja berlengan panjang hendaklah dibutangkan di pergelangan tangan dan tidak dibenarkan dilipat.
- iv. Pemakaian semua jenis jaket tidak dibenarkan ke kelas akademik. Baju panas (*sweater*) dibenarkan dalam keadaan tertentu saja.

b. Seluar

- i. Kain seluar 'slack' yang dibenarkan ialah daripada jenis yang sesuai. Selain itu kain jenis Denim, PVC, 'Corduroy' atau kulit tidak dibenarkan.
- ii. Pemakaian semua jenis 'jeans' dan 'cotton slack' tidak dibenarkan.
- iii. Fesyen seluar 'slack' hendaklah tidak terlalu longgar 'baggy', 'slim fit', terlalu ketat dan berkaki singkat tidak dibenarkan. Paras kaki seluar hendaklah melepasi bawah buku lali dan **ukur lilit seluar di antara 35 cm – 45 cm.**

c. Tali Pinggang

- i. Tali pinggang hendaklah dari jenis kulit atau PVC.
- ii. Lebar tali pinggang hendaklah di antara 2.5 cm – 3.0 cm dan berwarna hitam atau coklat tua. Tali pinggang yang berwarna-warni dan berbelang tidak dibenarkan.
- iii. Kepala tali pinggang hendaklah tidak terlalu besar dan tidak mempunyai lambang yang tidak sesuai, seperti lambang binatang atau tulisan yang tidak sesuai dan tidak bermoral.

d. Kasut dan Stoking

- i. Kasut hendaklah dari jenis kulit atau PVC berwarna hitam. **Kasut sukan, selipar, sandal, 'boot', 'semi boot', atau lain-lain kasut yang berwarna-warni dan bercorak tidak dibenarkan ke kawasan akademik dan pentadbiran.**
- ii. Pemakaian kasut bersama stoking adalah diwajibkan. Stoking hendaklah menutupi buku lali.
- iii. Warna stoking hendaklah sesuai dan tidak berbelang-belang atau berwarna-

warni.

e. Tali Leher

- i. Tali leher rasmi maktab sahaja yang dibenarkan ketika mengenakan pakaian rasmi maktab.
- ii. Tali leher yang lain dibenarkan ketika mengenakan pakaian bukan pakaian rasmi maktab.
- iii. Tali leher hendaklah dipakai semasa upacara rasmi seperti kelas akademik, perhimpunan, majlis makan rasmi dan lain-lain.

f. Tutup Kepala

- i. Hanya songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan dipakai semasa majlis rasmi.
- ii. **Kopiah dan serban** dibenarkan untuk tujuan menunaikan solat sahaja.
- iii. Topi dan 'cap' dibenarkan untuk tujuan bersukan sahaja.

1.2 PELAJAR PEREMPUAN

a. Baju dan Kain

- i. Pelajar hanya dibenarkan memakai baju kurung untuk ke kawasan akademik dan pentadbiran.
- ii. Pelajar bukan Islam digalakkan memakai baju kurung dan dibenarkan memakai blaus berlengan serta skirt labuh melebihi paras lutut.
- iii. Baju dan kain hendaklah tidak ketat dan jarang.

b. Tudung

- i. Tudung hendaklah berbentuk yang sesuai dan serta dijahit di bahagian depan.
- ii. Tudung dan anak tudung berwarna putih sahaja dibenarkan pada waktu akademik.
- iii. Warna lain dibenarkan di luar waktu akademik.
- iv. Tudung hendaklah tidak jarang dan tidak bercorak serta perlu menutupi bahagian dada.

c. Kasut

- i. Kasut hendaklah jenis yang bersarung dan bukan dari jenis selipar atau sandal.
- ii. Kasut warna hitam sahaja dibenarkan dipakai pada waktu akademik.

- iii. Kasut “*berfesyen*” dan berwarna-warni tidak dibenarkan.
- iv. Ketinggian tumit tidak melebihi 2.5 cm.

1.3 PAKAIAN LARANGAN

Pada bila-bila masa di dalam kawasan maktab, pelajar dilarang memakai / memiliki / menyimpan pakaian seperti berikut :-

- i. Semua jenis pakaian yang ditafsirkan sebagai menjolok mata atau pakaian yang mendedahkan aurat mengikut tafsiran Agama Islam atau pakaian ketat yang memperlihatkan raut anggota atau tubuh badan pemakainya atau pakaian yang ditafsirkan sebagai ‘seksi’ atau bertentangan dengan nilai-nilai budaya dan moral masyarakat.
- ii. Baju atau pakaian yang ada gambar orang atau kumpulan seperti penyanyi, pemimpin, ahli sukan dan sebagainya atau gambar-gambar lucah atau gambar-gambar yang bertentangan dengan akidah Islam atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya maktab dan negara.
- iii. Baju atau pakaian yang bertulis dengan tulisan atau lakaran lucah, ganas atau bertentangan dengan nilai-nilai murni budaya bangsa dan negara.
- iv. Semua jenis ‘*jeans*’ dan ‘*cotton slacks*’.
- v. Tali pinggang berkepala besar, ‘*rugged*’, berwarna-warni dengan tulisan atau lakaran atau reka bentuk binatang, lucah, ganas dan sebagainya.
- vi. Mini telekung labuh untuk pelajar perempuan.
- vii. Tidak memakai baju, memakai baju menampakkan pusat, berkemban, memakai tuala mandi sahaja dan berkaki ayam.
- viii. Memakai sebarang jenis pakaian yang dianggap tidak sesuai / tidak wajar dipakai oleh pelajar sekolah.
- ix. Memakai baju T tidak berkolar.
- x. Memakai baju yang menyerupai tentera, polis atau agensi-agensi keselamatan lain.
- xi. Memakai pakaian yang selekeh, kotor, koyak, berbau busuk atau bertampal.

1.4 PERATURAN PAKAIAN UNTUK AKTIVITI MAKTAB

BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
1.	Waktu Kelas Akademik	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'peach' muda dan seluar panjang berwarna coklat atau baju kemeja berlengan panjang berwarna biru muda dan seluar panjang berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebar nya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p>	<p>Baju kurung berwarna 'peach' muda dan kain kurung berwarna coklat atau baju kurung berwarna biru muda dan kain kurung berwarna biru tua.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p> <p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah bersesuaian serta dijahit di bahagian depan dan belakang</p>
2.	Waktu Perhimpunan dan Upacara Rasmi	<p>Baju kemeja berlengan panjang berwarna 'peach' muda dan seluar panjang berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam.</p>	<p>Baju kurung berwarna 'peach' muda dan kain kurung berwarna coklat.</p> <p>Berkasut kulit / PVC hitam, bertumit tidak melebihi 2.5cm, berstoking hitam.</p>

		<p>Memakai tanda nama.</p> <p>Bertali leher maktab.</p> <p>Tali pinggang berwarna gelap (hitam / coklat). Lebarnya 2.5 – 3cm dan berkepala kecil.</p> <p>Songkok berwarna hitam sahaja dibenarkan.</p>	<p>Memakai tanda nama.</p> <p>Tudung hendaklah bersesuaian serta dijahit di bahagian depan dan belakang.</p>
3.	Badan Uniform, Kelab/Persatuan	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.	Pakaian yang ditetapkan oleh Badan Uniform, Kelab / Persatuan.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
4.	Kelas Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan (Praktikal)	<p>'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju T berkolar berwarna putih.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>	<p>'Track bottom' warna hitam / biru gelap. Baju T berkolar berwarna putih dan berlengan panjang.</p> <p>Kasut sukan dan berstoking.</p>
5.	Sukan & Permainan	<p>Seluar pendek dengan 'tights' berwarna gelap atau track bottom berwarna gelap.</p> <p>Baju T tanpa bercetak ('Plain T-Shirt') atau baju T rumah sukan.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>	<p>Track bottom berwarna gelap.</p> <p>Baju T tanpa bercetak ('Plain T-Shirt') atau baju T rumah sukan berlengan panjang.</p> <p>Kasut yang bersesuaian dengan sukan dan permainan.</p>
6.	Aktiviti Ko-Kurikulum	Berpakaian mengikut Badan Uniform yang dianggotai atau	Berpakaian mengikut Badan Beruniform yang

		baju T berkolar berwarna bebas tanpa corak. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.	dianggotai atau Baju Kurung berwarna bebas. Kasut yang bersesuaian dengan aktiviti.
7.	Keluar Bandar / Pulang Bermalam / Kembali ke Maktab	Pakaian Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab atau Baju T Rasmi Maktab dan berkasut kulit / PVC hitam bertali, berstoking hitam dan memakai tanda nama.	Baju Kurung Batik Rasmi Maktab atau Pakaian Rasmi Maktab dan Berkasut Kulit / PVC hitam berstoking dan memakai tanda nama.
8.	Berkelah	Baju T berkolar. Seluar <i>slacks / track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.	Baju T berleengan panjang. <i>Track bottom</i> . Sandal bertali / kasut berstoking.
9.	Kerja luar mengikut Guru (<i>fieldwork</i>)	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
10.	Sembahyang Jumaat	Baju Melayu lengkap berwarna putih, bersamping maktab. Bersongkok hitam. Kasut / sandal.	Tiada.
11.	Majlis/Jamuan Rasmi.	Baju Melayu lengkap / pakaian rasmi maktab / batik maktab. Berkasut hitam dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.	Baju Kurung / pakaian rasmi maktab / Baju batik maktab. Berkasut dan berstoking. Pakaian yang ditetapkan oleh maktab.
12.	Kelas Persediaan (Petang)	Pakaian rasmi maktab / baju kemeja / baju T dan seluar <i>slacks</i> . Berkasut dan berstoking.	Baju Kurung berwarna bebas. Berkasut dan berstoking.

13.	Kelas Persediaan (Malam)	Baju Melayu / baju kemeja dan berseluar slacks. Kasut / sandal.	Baju Kurung. Kasut / sandal.
14.	Hari Cuti	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.	Kemas, bersih dan tidak mencolok mata.
15.	Majlis Keagamaan	Baju Melayu lengkap, bersongkok serta sesuai dengan majlis.	Pakaian yang menutup aurat dan kemas serta sesuai dengan majlis.
16.	Surau	Baju Melayu lengkap / Baju Melayu dengan seluar panjang 'slacks' atau jubah. Baju kemeja atau baju T berkolar dengan seluar panjang 'slacks'. Bersongkok / kopiah dan serban.	Baju Kurung / jubah dan memakai telekung sembahyang yang lengkap.
BIL.		PAKAIAN LELAKI	PAKAIAN PEREMPUAN
17.	Dewan Selera	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Malam / Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam / Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.
18.	Kelas Tambahan / Kelas Gantian	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Hari Persekolahan : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Hujung Minggu / Cuti Am: Pakaian mestilah kemas dan bersih.	Malam / Hujung Minggu / Cuti Am : Pakaian mestilah kemas dan bersih.

19.	Pakaian Semasa Lawatan	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas.	Lawatan Rasmi : Pakaian adalah seperti ke kelas.
		Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.	Lawatan Tidak Rasmi : Pakaian sesuai yang ditetapkan oleh guru pengiring.

2.0 KAD PELAJAR/ NAME TAG

- i. Kad Pelajar hendaklah sentiasa dipakai semasa ke kelas akademik atau upacara rasmi maktab.
- ii. Kad Pelajar tersebut tidak boleh ditukar dengan Kad Pelajar orang lain.
- iii. Kad Pelajar tersebut tidak boleh diubahsuai atau diconteng dan tidak boleh mempunyai nama dalam bentuk samaran.
- iv. Kad Pelajar hendaklah dipakai dengan memaparkan bahagian hadapan
- v. Kad Pelajar hendaklah disematkan di bahagian kiri baju pelajar.
- vi. Kehilangan atau kerosakan Kad Pelajar hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pentadbiran mak.

3.0 PENAMPILAN DIRI

3.1 PELAJAR LELAKI

a. RAMBUT

- i. Rambut mestilah sentiasa pendek, tidak tebal dan tidak mencecah kolar baju.
- ii. Rambut mestilah bersih dan disikat.
- iii. Membotakkan kepala tidak dibenarkan.
- iv. Mewarnakan rambut tidak dibenarkan.
- v. Stail rambut yang keterlaluan seperti '*punk, trojan, skin head, bross*' dan lain-lain tidak dibenarkan.
- vi. Menyimpan jambul melebihi aras kening dan ekor rambut tidak dibenarkan.
- vii. Menggunakan gel, pengeras rambut atau minyak rambut yang berbau tengik tidak dibenarkan.

b. MISAI, JANGGUT DAN JAMBANG

- i. Menyimpan misai, janggut dan berjambang **tidak dibenarkan**.

c. CERMIN MATA / KANTA LEKAP

- i. Tidak dibenarkan memakai cermin mata kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.
- ii. Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.
- iii. Cermin mata / kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
- iv. Memakai cermin mata hitam / gelap tidak dibenarkan.

d. KUKU

- i. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- ii. Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- iii. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

e. PEMAKAIAN AKSESORI / BARANG KEMAS

- i. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
- ii. Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

3.2 PELAJAR PEREMPUAN

a. RAMBUT

- i. Rambut hendaklah pendek, jika panjang mestilah diikat / didandan dengan riben hitam / putih atau biru.
- ii. Rambut tidak boleh menutupi bahagian muka.
- iii. Rambut yang berfesyen dan berwarna tidak dibenarkan.
- iv. Rambut mesti kemas dan bersih.

b. MUKA

- i. Memakai alat solek seperti gincu, celak dan lain-lain tidak dibenarkan.
- ii. Mencukur bulu kening atau mencabutnya tidak dibenarkan.

c. KUKU

- i. Menyimpan kuku panjang tidak dibenarkan.
- ii. Mewarnakan kuku secara moden atau tradisional tidak dibenarkan.
- iii. Kuku hendaklah sentiasa bersih sepanjang masa.

d. CERMIN MATA / KANTA LEKAP


- i. Tidak dibenarkan memakai cermin mata kanta lekap kecuali atas nasihat doktor.

- ii. Cermin mata hendaklah tidak berbingkai besar atau terlalu kecil dan berwarna atau berfesyen.
- iii. Cermin mata / kanta lekap berwarna hanya dibenarkan setelah mendapat kebenaran doktor sahaja.
- iv. Memakai cermin mata hitam/gelap tidak dibenarkan.

e. PEMAKAIAN AKSESORI / BARANG KEMAS

- i. Memakai tangkal, azimat, aksesori dan barang kemas termasuk yang mempunyai lambang keagamaan tidak dibenarkan.
- ii. Bertindik, bertatu, dan berinai tidak dibenarkan.

Surat Pekeliling Iktisas No.2/1976 (Kementerian Pelajaran Malaysia)



Surat Pekeliling Iktisas No. 3/1983 (Kementerian Pelajaran Malaysia)



4. PERATURAN KELUAR KAMPUS

4.1 Keluar Ke Bandar

- i. Pelajar dibenarkan keluar ke bandar yang berdekatan dengan maktab / bandar pada hari yang ditentukan oleh pihak maktab.(Bertam).
- ii. Masa keluar ke bandar hendaklah mengikut masa yang ditetapkan oleh pihak maktab.
- iii. Pelajar dikehendaki mendapatkan tandatangan kebenaran daripada Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama bertugas.
- iv. Pelajar hendaklah keluar secara berkumpulan sekurang-kurangnya dua orang.
- v. Pelajar digalakkan menggunakan pengangkutan awam.
- vi. Tinggalkan kad '*outing*' yang telah ditandatangani oleh Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama di pondok pengawal.
- vii. Pelajar dikehendaki memakai pakaian '*outing*' yang telah ditetapkan (rujuk peraturan pakaian keluar ke bandar).
- viii. Semasa keluar ke bandar pelajar tidak dibenarkan mengunjungi tempat-tempat berikut:
 - ◇ Pusat permainan hiburan seperti '*Billiard*', '*Pin Ball*', '*Video Games*' dan *Snuker*.
 - ◇ Semua kelab malam, bar, disko dan seumpamanya.
 - ◇ Semua tempat pelacuran, rumah urut dan seumpamanya.
 - ◇ Pusat hiburan seperti pawagam
- ix. Pelajar hendaklah menjaga imej dan nama baik maktab.
- x. Pelajar dikehendaki melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad '*outing*' semasa kembali ke maktab.

4.2 Pulang Bermalam

- i. Pelajar dibenarkan pulang bermalam mengikut jadual pulang bermalam yang telah ditetapkan oleh pihak maktab.
- ii. Ibu bapa / penjaga atau wakilnya hendaklah membuat permohonan dengan mengisi borang pulang bermalam atau menghantar surat rasmi.
- iii. Permohonan hendaklah di alamatkan kepada pengetua dan sampai kepada pihak maktab **lima hari** sebelum tarikh pulang.
- iv. Permohonan pulang bermalam perlu mendapat kelulusan daripada Pengetua / Timbalan Pengetua (PP) / Ketua Guru Asrama.
- v. Pelajar hendaklah membawa borang permohonan pulang bermalam yang telah diluluskan kepada Ketua Guru asrama/ Guru Asrama bertugas untuk mendapat tandatangan kebenaran pulang pada kad '*outing*' pelajar.
- vi. Borang permohonan pulang bermalam hendaklah diserahkan kepada Guru Asrama bertugas untuk difailkan.

- vii. Pelajar hendaklah meninggalkan kad '*outing*' di pondok pengawal dan mengambil semula apabila balik dari pulang bermalam.
- viii. Pelajar dikehendaki mematuhi peraturan pakaian pulang bermalam semasa pulang dan kembali ke maktab.
- ix. Pelajar hendaklah menjaga nama baik dan imej maktab ketika pulang bermalam.
- x. Pelajar hendaklah kembali semula ke maktab sebelum jam 18.00 pada tarikh yang ditetapkan.
- xi. Pelajar hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad '*outing*'.
- xii. Sekiranya pelajar tidak dapat kembali ke maktab pada tarikh yang ditetapkan, ibu bapa / penjaga hendaklah memaklumkan kepada pihak maktab dengan menyatakan sebab-sebab tidak dapat kembali kepada guru Homeroom atau pihak warden.

4.3 Pulang Kecemasan

- i. Ibu bapa / penjaga hendaklah membuat permohonan pulang kecemasan dan mendapat kelulusan daripada Pengetua / Timbalan Pengetua (PP) / Ketua Guru Asrama.
- ii. Ibu bapa / penjaga / wakil hendaklah datang mengambil pelajar di maktab. Pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan daripada ibu bapa / penjaga secara bertulis.
- iii. Peraturan pulang bermalam pada ceraiian b (vi) hingga b (xiii) hendaklah dipatuhi.

4.4 Keluar Mengikuti Program (lawatan, aktiviti homeroom / akademik, perkhemahan, kokurikulum dan seumpamanya)

- i. Program telah diluluskan oleh Pengetua / TPKA / TPPP / TPPB (mana yang berkenaan).
- ii. Surat pengesahan kelulusan, kad '*outing*' peserta dan senarai peserta yang disahkan oleh guru penasihat / pengiring hendaklah dikemukakan kepada Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama bertugas.
- iii. Pelajar yang ditahan kad '*outing*' atau dikenakan tahanan dalam maktab tidak dibenarkan menyertai program.
- iv. Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama hanya menandatangani kebenaran pada senarai peserta sahaja tanpa menandatangani semua kad '*outing*'.
- v. Salinan senarai nama yang disertakan bersama kad '*outing*' peserta hendaklah diserahkan di pondok pengawal.
- vi. Peserta hendaklah mematuhi peraturan pakaian yang telah ditetapkan berdasar program yang disertai.
- vii. Peserta hendaklah sentiasa menjaga imej dan nama baik maktab semasa mengikuti program yang disertai.

- viii. Peserta hendaklah melaporkan diri di pondok pengawal dan mengambil kembali kad 'outing' sebelum masuk ke asrama.

4.5 Keluar Ke Klinik.

- i. Melaporkan kepada Kaunter Pejabat (hari persekolahan)/Guru Asrama bertugas(luar waktu persekolahan).
- ii. Mendapat rawatan di klinik / hospital dengan dihantar oleh pemandu bertugas/Pegawai bertugas harian(waktu persekolahan)/ Guru Asrama bertugas (luar waktu persekolahan).
- iii. Penyelia Asrama/ Penolong Penyelia Asrama hendaklah mengiringi pelajar sewaktu masa persekolahan.
- iv. Melaporkan diri di pondok pengawal dengan meninggalkan kad 'outing' dan mengambil kembali ketika masuk semula ke maktab.

4.6 Solat Jumaat

- i. Pelajar hendaklah mematuhi peraturan pakaian solat Jumaat.
- ii. Pelajar tidak dibenarkan melencong ke tempat lain kecuali ke masjid/ PIAS untuk solat Jumaat.
- iii. Pelajar hendaklah menjaga tertib dan adab semasa di masjid/ PIAS.

5. PERATURAN KELAS PERSEDIAAN

- a. Pelajar wajib hadir pada waktu yang ditetapkan di kelas atau di tempat yang dibenarkan oleh pihak maktab.
- b. Waktu kelas persediaan bagi MRSM Kumpulan B (P. Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perlis, Sabah dan Sarawak)

Bil.	Perkara	Hari	Masa
1.	Kelas Persediaan Pagi	Isnin hingga Jumaat	07.40 – 13.30
2.	Kelas Persediaan Petang	Isnin hingga Khamis	14.30 – 16.30
3.	Kelas Persediaan Malam	Sabtu sahaja	21.00 – 22.30

* Tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan maktab.

- c. Pelajar tidak dibenarkan berada di kawasan asrama pada waktu kelas persediaan.
- d. Pelajar yang sakit hendaklah berada di 'Sick Bay' dengan kebenaran Guru Asrama bertugas.
- e. Pelajar hendaklah memakai pakaian kelas persediaan yang telah ditetapkan (peraturan pakaian ke kelas persediaan)
- f. Aktiviti seperti jamuan, mesyuarat dan sebarang jenis perjumpaan tidak dibenarkan pada waktu kelas kecuali dengan kebenaran Ketua Guru Asrama.

- g. Pelajar dilarang merayau-rayau, mengganggu pelajar lain dan membuat bising pada waktu kelas persediaan.
- h. **Pelajar dilarang** membawa dan menggunakan radio transistor, 'mp3', pemain cakera padat / digital, handphone, majalah dan bahan bacaan bukan akademik ke kelas persediaan.
- i. Pelajar tidak dibenarkan berada di bangunan akademik selepas jam 23.00 kecuali bersama guru dan mendapat kebenaran Pengetua / Timbalan Pengetua (PP) Ketua Guru Asrama/ Guru Asrama bertugas.
- j. Suis lampu dan kipas hendaklah dipadamkan sebelum meninggalkan kelas persediaan.